

# Alumni EC imbau nostalgia zaman sekolah

(MINGGUAN MALAYSIA (DAERAH NEGERI) 18 SEPT 2016 M/S 15)

**KUALA LUMPUR 17 Sept.** - Pertemuan semula 59 alumni Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru atau nama lamanya English College (EC) tahun 1968 hingga 1972 bukan sahaja meriah malah mengembalikan nostalgia zaman persekolahan.

Kegembiraan jelas terpancar pada wajah mereka sehingga ada yang turut menitiskan air mata selepas hampir 44 tahun terputus hubungan setelah tamat persekolahan.

Pengerusi program berkenaan, Laksamana Pertama (B) Datuk Ir. Ahmad Murad Omar berkata, idea untuk mengadakan

majlis berkenaan timbul selepas salah seorang rakan menjemput mereka ke majlis perkahwinan anaknya.

Katanya, perkara berkenaan dibincangkan dengan lebih serius apabila mereka bertemu dan membentuk ahli jawatankuasa serta kumpulan dalam aplikasi Whatsapp untuk mengumpulkan kembali mereka.

"Majlis ini diadakan bagi meraikan kembali hubungan persahabatan dan silaturahim yang terjalin tetapi terpisah sejak sekian lama.

"Selain itu, kami juga dapat bersama-sama mengimbau nos-

talgia dan bercerita kenangan manus semasa bersekolah di EC iaitu sekolah tertua di Johor yang telah beroperasi selama 104 tahun," katanya dalam Majlis Pertemuan Semula Alumni Maktab Sultan Abu Bakar tahun 1968 hingga 1972, di sini hari ini.

Antara alumni EC tahun 1968 hingga 1972 yang turut hadir ialah Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan ahli korporat, Ungku Mokhsin Ungku Mohamad.

Tambah Ahmad Murad, mereka juga akan lebih aktif merancang pelbagai program selepas

ini bagi merapatkan lagi ukhwah yang kembali terjalin.

Katanya, antara program yang sedang dirancang ialah aktiviti untuk melawat kembali Maktab Sultan Abu Bakar dan guru-guru yang telah mendidik mereka.

"Kami akan menziarah guru-guru kami yang masih hidup, maklumlah jika kami pun telah berusia 60 tahun, mungkin yang paling muda pun kira-kira 80 tahun.

"Saya rasa sangat penting untuk kami melawat guru-guru kerana mereka dengan sepenuh hati mendidik kami sehingga berjaya pada hari ini," katanya.



AHMAD MURAD OMAR (duduk, dua dari kanan), Daing Nasir Ibrahim (duduk, dua dari kiri) dan Ungku Mokhsin Ungku Mohamad (duduk, kiri) bersama alumni dalam Majlis Pertemuan Semula Alumni Maktab Sultan Abu Bakar di Kuala Lumpur semalam. — MINGGUAN/FAISOL MUSTAFA